



## Minda objektif – dimensi gerhana dalam persoalan kesejahteraan dan hubungan Indonesia-Malaysia

Amriah Buang<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Program Geografi, Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Amriah Buang (email: amriah@ukm.my)

### Abstrak

Minda objektif ialah kesanggupan meneliti pokok persoalan menurut fakta. Fakta ertinya kenyataan sebagaimana yang berlaku. Tesis kertas ini ialah bahawa sekian banyak perbincangan permasalahan kesejahteraan dalam hubungan dua hala Indonesia-Malaysia dewasa ini adalah berpunca dari pendekatan yang kurang menghormati dan meraikan pemikiran yang objektif, pemikiran yang berlandaskan fakta. Kertas ini merujuk kepada dua kes utama untuk menunjukkan bagaimana minda yang kurang objektif telah mengeruhkan keadaan dan seterusnya hubungan Indonesia-Malaysia. Satu, kes pembantu rumah Indonesia di Malaysia, dan satu lagi kes meningkatnya jenayah di Malaysia akibat kehadiran pekerja asing Indonesia. Kertas ini juga melakarkan jalan keluar yang menghargai minda objektif kerana di dalam penyerlahan kembali minda yang objektif inilah letaknya harapan realistik dalam memurnikan kembali hubungan dua negara serumpun ini.

**Katakunci:** hubungan dua hala, Indonesia, Malaysia, minda objektif, pekerja migran, pembantu rumah

## Objective mindset – the eclipsed dimension in the maintenance of harmonious Indonesia-Malaysia relations

### Abstract

Objective mindset is the ability and willingness to examine issues according to the facts of the matter. Facts are realities as they happen. This paper articulates the thesis that so many negative descriptions and discussions of recent issues affecting the bilateral relations between Indonesia and Malaysia have transpired from approaches which do not quite respect objective thinking based on facts, and caused thereby unnecessary unease and tensions in the bilateral relations of the two neighbouring countries. It does this by alluding to two 'burning' issues, namely, the plight of Indonesian domestic helpers in Malaysia, and the social liabilities that Malaysians allegedly suffer from the presence of a large Indonesian migrant workers in Malaysia. The paper also outlines possible solutions which purportedly celebrate objective thinking on both sides, driven by the conviction that only in resurrecting such mental attitude lies the realistic hope of straightening distortions and correcting misinformation to restore harmony back into the long and deep relations of these two neighbours.

**Keywords:** bilateral relations, domestic helpers, Indonesia, Malaysia, migrant workers, objective mindset

## Pengenalan

Minda objektif ialah kesanggupan meneliti pokok persoalan menurut fakta. Fakta ertinya kenyataan sebagaimana yang berlaku. Ia bukannya metos, imejinasi, andaian atau spekulasi biar betapapun mempersonakan dan canggihnya projek pemetosan, pengimejinasian, pengandaian dan penspekulasian tersebut.

Tesis kertas ini ialah bahawa sekian banyak perbicaraan permasalahan kesejahteraan dalam hubungan dua hala Indonesia-Malaysia dewasa ini adalah berpunca dari pendekatan yang kurang menghormati dan meraikan pemikiran yang objektif, pemikiran yang berlandaskan fakta. Kertas ini merujuk kepada dua kes utama untuk menunjukkan bagaimana minda yang kurang objektif telah mengeruhkan keadaan dan seterusnya hubungan Indonesia-Malaysia dalam dua kes utama. Satu, kes pembantu rumah Indonesia di Malaysia, dan satu lagi kes meningkatnya jenayah di Malaysia akibat kehadiran pekerja asing Indonesia. Kertas ini juga melakarkan jalan keluar yang menghargai minda objektif kerana saya yakin di dalam penyerlahan kembali minda yang objektif inilah letaknya harapan relistik dalam memurnikan kembali hubungan dua negara serumpun ini.

## Gerhana minda objektif dalam kes pembantu rumah Indonesia di Malaysia

Dari perspektif Indonesia, bila disebut saja hal pembantu rumah Indonesia di Malaysia, maka yang terserlah ialah stereotype imej negatif bahawa majikan Malaysia cenderung menganiayai pembantu rumah Indonesia (PRI). PRI digambarkan sebagai mangsa, pihak yang lemah dan lantaran itu mudah sekali diambil kesempatan sementara majikan Malaysia digambarkan sebagai pemangsa, angkuh dan kejam. Menurut satu sumber (Bernama, 2007) jika dikemukakan soalan 'Benarkah rakyat Indonesia memandang Malaysia sebagai sombong? Kalau benar, kenapa?' kepada sepuluh orang di Indonesia, tujuh daripada mereka akan mengatakan benar. Antara alasan bagi jawapan ini ialah Malaysia sombong kerana membiarkan rakyatnya menganiaya pembantu rumah dari Indonesia; memeras tenaga kerja Indonesia (TKI) untuk pembangunannya dan setelah habis manis sepah dibuang; tidak membayar gaji TKI; dan memenjarakan TKI yang hanya menumpang mencari rezeki di Malaysia.

Tentunya tanggapan negatif seperti ini berpunca dari pemberitaan yang selektif. Memang kecenderungan media massa ialah memilih yang sensasi untuk menarik perhatian pelanggan. Justru rakyat Indonesia terus-terusan disajikan dengan berita penganiayaan PRI di Malaysia meskipun secara faktualnya menurut A. M. Fachir, Pemangku Duta Indonesia di Malaysia bilangan penderaan atau penganiayaan PRI di Malaysia adalah pada kadar 1,000 atau 0.33 peratus daripada bilangan PRI yang berjumlah sekitar 300,000 sehingga Jun 2007.

Mengapa tidak disensasikan misalnya hal penanggungan majikan PRI di Malaysia. Mengapa tidak diberitakan masalah PRI di Malaysia yang berpunca dari orang Indonesia sendiri. Mengapa tidak diberitakan risiko yang diambil oleh sesetengah rakyat Malaysia kerana menyelamatkan kepentingan PRI sebagai saudara seagama, dan mengapa tidak digembar-gemburkan bila terdapat kisah-kisah kejayaan dan kecemerlangan hubungan PRI dengan majikan di Malaysia.

### *Penanggungan majikan di Malaysia yang tidak diberitakan*

Sebenarnya penggajian pembantu rumah asing tidaklah semestinya bererti tiada lagi masalah pengurusan rumah yang dihadapi oleh majikan yang kebanyakannya terdiri darioda wanita bekerja. Misalnya, kajian yang dilakukan oleh Amriah (1994) terhadap seratus orang majikan pembantu rumah migran di Lembah Kelang, Malaysia menunjukkan bahawa ramai majikan masih mengalami berbagai masalah dengan hadirnya seorang pembantu rumah asing di dalam rumah tangga mereka. Ramai di kalangan majikan ini masih terpaksa melakukan kerja-kerja seperti sebelum adanya pembantu rumah migran tersebut (Jadual 1).

Selain daripada masalah ini ramai juga bilangan majikan yang mengalami banyak masalah baru ekoran daripada kehadiran pembantu rumah migran. Antara masalah yang dahulunya tidak mereka alami ialah peningkatan perbelanjaan rumah, kerosakan, kemusnahan dan kehilangan barang-barang berharga, kesan psikologi kepada anak-anak, dan yang paling serius hubungan sulit suami dengan pembantu rumah (Jadual 2).

**Jadual 1. Tugas rumah tangga yang masih terpaksa dilakukan oleh majikan di Lembah Kelang meskipun telah mengambil pembantu rumah migran**

Susun taraf	Tugas rumah tangga yang masih perlu dilakukan majikan	Jawapan majikan	
		Bilangan	%
1	Membeli barang dapur	151	19.9
2	Membersihkan bilik tidur sendiri	67	8.9
3	Memasak	66	8.6
4	Memberi ubat kepada anak yang sakit	56	7.3
5	Membersihkan rumah	56	7.3
6	Menghantar dan mengambil anak dari sekolah	52	6.8
7	Memandi dan memakaikan pakaian anak-anak	41	5.4
8	Membawa anak ke taman permainan	41	5.4
8	Memberi anak makan	36	4.7
10	Merendam baju kotor	34	4.4
11	Menghidang sajian	34	4.4
12	Memasak / menyediakan makanan anak-anak	32	4.2
13	Menggosok pakaian	27	3.5
14	Menyapu halaman	24	3.1
15	Mencuci pinggan mangkok	16	2.1
16	Mencuci pakaian	14	1.8
17	Menjemur pakaian	11	1.4
18	Membersihkan seluruh rumah	5	0.7
19	Menyelia anak-anak	1	0.1
	Jumlah	764	100.0

Sumber: Amriah (1994)

Demikian rumitnya masalah yang dihadapi oleh majikan dengan kehadiran pembantu rumah migran sehingga akhirnya ramai juga majikan yang meragukan kemutlakan faedah berpembantu rumah asing, baik bagi rumah tangga mereka sendiri mahupun bagi Malaysia umumnya. Mereka terjebak dalam keadaan serba salah di mana mereka tetap dirundung masalah baik dengan mempunyai pembantu rumah mahupun tiada pembantu rumah. Meskipun tidak dinafikan kehadiran pembantu rumah membolehkan mereka meneruskan kerjaya di luar rumah, namun majikan tetap merasa tidak terjamin; berbagai perkara yang tidak diduga boleh berlaku di rumah semasa ketiadaan mereka. Lebih daripada itu, kajian di kalangan pembantu rumah migran di Malaysia mendapati bahawa pembantu rumah migran ini sanggup meludah ke dalam makanan yang disajikan kepada majikan, meletakkan baha-bahan kotoran pada pakaian dalam majikan, membawa masuk orang luar semasa ketiadaan majikan, keluar rumah semasa majikan tiada dan meninggalkan anak-anak sendirian di rumah, mencederakan anak-anak, dan membunuh majikan tua dalam jagaannya (Amriah, 2004). Semua penanggungan pihak majikan ini tidak diberitakan sesensasinya oleh media massa di Indonesia.

**Jadual 2. Masalah baru yang dialami majikan di Lembah Kelang ekoran kehadiran pembantu rumah migran**

Susun taraf	Masalah baru yang dialami majikan ekoran kehadiran pembantu rumah migran	Jawaban majikan	
		Bilangan	%
1	Meningkatnya perbelanjaan dapur	42	16.1
2	Meningkatnya bil elektrik	35	13.4
3	Meningkatnya bil air	35	13.4
4	Meningkatnya bil telefon	32	12.3
5	Anak saya jadi pendiam, penakut dan bermasalah	31	10.6
6	Pakaian rusak	19	7.3
7	Suami saya tidak senang dengan cara kerjanya	18	6.2
8	Pembaziran barang-barang dapur	10	3.8
8	Barang-barang perhiasan rumah hilang	7	2.9
10	Pakaian hilang	6	2.3
11	Suami punya hubungan sulit dengan pembantu rumah	7	2.9
12	Pinggan mangkok kerap pecah	5	0.9
13	Barang-barang elektrik kerap rusak	3	1.1
14	Anak saya lambat bertutur bahasa Melayu	1	0.4
15	Pembantu rumah suka membawa orang luar ke rumah	1	0.4
16	Barang-barang saya dipindah-pindahkan	1	0.4
17	Isteri saya menjadi pemalas	1	0.4
18	Anak saya lebih sukakan pembantu rumah daripada saya	1	0.4
	Jumlah	261	100.0

Sumber: Amriah (1994)

*Masalah PRI berpunca dari orang Indonesia sendiri yang tidak diberitakan*

Selain daripada 'powerlessness' yang ditanggung oleh majikan, masalah PRI yang berpunca dari pihak atau orang Indonesia sendiri tidak begitu ghairah dilaporkan oleh media di Indonesia. Sudah

**Jadual 3. Masalah PRI berpunca dari orang Indonesia sendiri yang tidak diberitakan**

Bil.	Kategori permasalahan	Contoh bentuk masalah
1	Gangguan dari keluarga di Indonesia:	Saudara yang meminta tambahan titipan wang kerana khidmat menjaga anak yang ditinggalkan Adik beradik yang meminta bantuan wang kerana pelbagai masalah peribadi dan keluarga Suami curang Suami mengancam cerai
2	Pengaruh negatif dari sesama pekerja atau masyarakat migran Indonesia:	Terjebak ke kancang maksiat, seperti bersekedudukan dan pelacuran  Diperdaya oleh teman migran Indonesia sendiri Diperas teman lelaki Indonesia sendiri Dikhianati pasangan sendiri kerana wanita Indonesia juga
3	Keganasan oleh pekerja migran Indonesia:	Dirompak oleh perampok yang terdiri dari migran Indonesia sendiri
4	Perselisihan peribadi sesama PRI:	Tidak dapat berperanan sebagai pelatih yang baik  Tidak dapat menerima hakikat dilatih oleh sesama PRI Kurang solidarity kerana perbezaan puak dan tempat asal (misalnya orang Madura tidak harmonis dengan orang Jawa atau orang Aceh, dsb.)

menjadi perkara biasa bagi majikan Malaysia mendapati betapa PRI mereka sering terganggu oleh berbagai hal yang berpunca dari orang Indonesia sendiri, baik orang Indonesia yang berada di Malaysia, apatah lagi yang tinggal di Indonesia. Sebahagian masalah ini dapat diringkaskan seperti pada Jadual 3.

*Risiko yang diambil oleh sesetengah rakyat Malaysia kerana menyelamatkan kepentingan PRI sebagai saudara seagama yang tidak diberitakan*

Sebenarnya di luar pengetahuan umum, terdapat banyak juga peristiwa di mana anggota masyarakat setempat di Malaysia menunjukkan kesanggupan mengambil risiko bagi memelihara kepentingan PRI. Katakan PRI seorang majikan Melayu Islam didatangi oleh kawannya yang lari dari majikannya yang bukan Islam kerana tidak sanggup memasak makanan dari khinzir, menjaga anjing dan tidak dibenarkan mengerjakan solat. Alasan PRI yang lari itu ialah bahawa beliau telah ditipu oleh agensi yang menguruskan kedatangannya ke Malaysia. Dalam situasi seperti ini apakah majikan Melayu Islam itu akan membiarkan saja atau mengambil risiko didenda RM10,000 atau penjara kerana dengan melindungi PRI tersebut beliau boleh disabit melanggar undang-undang negara Malaysia? Menyerahkan saja PRI tersebut sama ada ke pihak berkuasa Malaysia mahupun kedutaan Indonesia bukanlah sesuatu yang mudah dilakukan dengan segera oleh majikan berkenaan kerana ini juga akan menjejaskan kepentingan PRI yang perlu terus bekerja untuk menyara keluarga di Indonesia. Terperangkap dalam keadaan seperti ini, tidak sedikit majikan Islam di Malaysia yang terpaksa memilih melindungi PRI tersebut kerana membela saudara seagama.

*Kisah-kisah kejayaan dan kecemerlangan hubungan PRI-majikan yang tidak diberitakan*

**Kisah 2: Omih Sarimukti**

3, 21/07 Desa Tanjung, Cipunagara, Jawa Barat, Indonesia

Oleh: Muhd Kamil Ibrahim daripada Universiti Teknologi MARA <http://muhdkamil.net/mystory/?p=6>

Pagi ini, saya menghantar Omih, pembantu rumah pulang ke Jakarta. Mengikut saya ke KLIA adalah Roza (isteri), Bapa dan Ibu Mertua, Amirul (8 tahun) dan Farah Sofea (Omih kepunyaannya). Saya terpaksa tinggalkan Sara (15 tahun) dan Haris Azrai (14 tahun) kerana NAZA tidak bersedia menampung lebih daripada 7 penumpang. Barangkali sudah sampai masanya saya memikirkan untuk membeli bas mini!

Semalam adik bongsu saya, Nor Solihah datang dari Gombak (UIA) semata-mata untuk mengucapkan selamat jalan, selamat tinggal dan menghulurkan cenderahati kepada Omih. Adik saya yang lain, Afzan (yang tinggal di Melaka) juga singgah sekejap ke rumah untuk berjumpa Omih. Kakak-kakak saya di Besut juga membuat panggilan khusus bertanya khabar kepada Omih dan melahirkan kesedihan kerana berkemungkinan tidak dapat berjumpa lagi.

Sambutan terhadap Omih agak luarbiasa. Apatah lagi hanya untuk seorang pembantu rumah yang merentasi lautan, semata-mata mencari rezeki bagi menyara dua anak yang sudah kehilangan bapa. Saya masih ingat beliau pernah berkata: 'Saya datang untuk mencari rezeki, ikhlas kerana Allah, kerana ingin membesarkan anak-anak saya'. Suatu kenyataan yang hanya melintas ringkas melalui telinga saya. Masakan tidak, semenjak beberapa tahun yang lepas, saya sudah membuat keputusan untuk tidak mahu dipercayai pembantu rumah. Saya sentiasa berhati-hati. Saya sentiasa meletakkan hubungan pekerja-majikan pada jarak yang sepatutnya.

Omih juga menyatakan 'anak saya nama Sepia'. Roza terus memberi jawapan 'Tuhan telah mempertemukan Sofea dengan kamu, supaya kamu dapat mengingati anak kamu di Indon. Tuhan mahu kamu menjaga anak saya seperti menjaga anak kamu'. Saya tersenyum simpul mendengar jawapan Roza.

Omih tekun bekerja. Cepat pula dia belajar terutamanya memasak. Daripada masakan kampung sehinggalah Spagetti Bolognese. Karipap, Donat, dan segala pengat bukanlah satu kesusahan padanya. Pandai pula dia mengecam kegemaran saya. Jika saya menulis, akan tersedia segelas air suam. Beliau tidak pernah mengeluh melayan anak-anak yang sedang membesar, kuat makan dan berperangai. Malah jika saya menyebut - 'besok pagi saya main golf' - maka segala persiapan daripada kasut, stokin, tee sehinggalah Pharmaton akan tersedia kemas. Pulang saja, kasut golf akan terus dicuci. Jika kaum keluarga atau kenalan berkunjung ke rumah, beliau akan pantas

menyiapkan makanan mengikut waktu. Jika waktu makan tengahari, maka kesemua tetamu akan turut makan tengahari.

Alahai, jika berkumpul di kampung, bersama-sama pembantu adik-beradik yang lain, Omih tidak pernah menyusut kerajinannya. Tidak pernah beliau mengular atau cuba bersantai-santai. Pernah satu ketika beliau diajak untuk 'berehat-rehat' oleh pembantu yang lain, beliau memberi jawapan yang menarik 'Ini rumah ibu tuan saya, kita mesti membantu majikan kita'. Beliau benar-benar tulus untuk bekerja, setia dan tahu menilai 'kebaikan' yang telah diberikan kepadanya.

Omih juga bersungguh-sungguh selama hampir seminggu menunjuk ajar pembantu yang baru tiba. Roza secara bergurau berkata: 'Omih, jika Anita tidak bagus, kamulah yang tidak bagus'. Omih menganggap itu adalah sebagai satu cabaran besar. Akhirnya, sehari sebelum pulang, dia nyatakan kepada saya - 'Tuan, saya telah ajarkan apa yang patut Anita tahu, dia juga orang Sunda (Omih selalu berbangga dengan asal-usulnya yang berbangsa Sunda), semoga tuan sekeluarga tidak kesusahan'

Sekejap tadi, semasa di KLIA, kami semua berasa sebak ketika melihat Omih bergerak longlai melepasi kawalan keselamatan di perlepasan antarabangsa. Sesekali Omih melihat ke atas, pada Sofea yang tidak putus-putus melambai-lambaikan tangannya. Selamat jalan Omih.

Saya bersyukur padaNya kerana dicelah-celah kesukaran mencari insan yang berhati tulus muncul Omih yang mengembalikan keyakinan saya kepada erti persahabatan, kepercayaan, kemuliaan dan harga diri. Lebih terkesan lagi, dia bukanlah sahabat saya, bukan seorang Profesor atau Profesor Madya, bukan seorang rakan sejawat tetapi hanyalah pembantu rumah yang sejarah hidupnya tak pernah diketahui. Dia tidak menjual kepercayaan yang telah saya serahkan. Lebih penting, dia berhati tulus.

Dalam pada kisah-kisah penganiyaan PRI oleh majikan Malaysia di gembur gemburkan oleh media di Indonesia, ter dapat pula kisah-kisah kejayaan dan kecemerlangan hubungan PRI-majikan Malaysia yang tidak diberitakan. Amriah ( 2007) menyenarai dan memerikan beberapa kisah-kisah kejayaan ini yang dapat diringkaskan seperti pada Jadual 4.

**Jadual 4. Beberapa contoh kisah kejayaan dan kecemerlangan hubungan PRI-majikan Malaysia yang tidak diberitakan**

<i>Kisah 1</i>	Zaenab	PRI ini tidak pernah menandatangani sebarang perjanjian kontrak pekerjaan dan tidak merasa perlu berbuat demikian
<i>Kisah 2</i>	Omih, Sarimukti	Kecemerlangan khidmatnya meninggalkan kesan mendalam di dalam kehidupan keluarga majikannya (lihat Kotak 1)
<i>Kisah 3</i>	Gunirah	Dedikasi beliau begitu tinggi sehingga menggantikan peranan suri rumah isteri majikannya
<i>Kisah 4</i>	Murni, Sugini, Yanti	Keselamatan mereka semasa tragedi tsunami di Aceh diingati dan didoakan oleh keluarga yang pernah menggaji mereka di Malaysia
<i>Kisah 5</i>	Cik Mah	Rekod 15 tahun khidmat PRI yang cemerlang
<i>Kisah 6</i>	Kak Narti	PRI yang menangi, merawat dan menghayati kemalangan tragis anak majikannya
<i>Kisah 7</i>	Kak Ayun dan Kak Erni	PRI yang dirindui dan diingati oleh anak-anak majikannya
<i>Kisah 8</i>	Sumarni	PRI yang telah berkhidmat lebih 10 tahun sehingga tidak sanggup ditamatkan perkhidmatannya oleh majikannya

### **Gerhana minda objektif dalam kes meningkatnya gejala sosial di malaysia akibat kehadiran pekerja asing Indonesia**

Kalau di Indonesia, gerhana minda objektif sangat terserlah dalam kes PRI di Malaysia, maka di Malaysia gerhana minda objektif sangat terserlah dalam kes meningkatnya gejala sosial akibat kehadiran pekerja asing yang majoritinya terdiri daripada tenaga kerja asing Indonesia (TKI).

Secara faktualnya, bilangan pekerja asing di negara ini mencecah lebih 2.6 juta, menyamai 10 peratus daripada jumlah keseluruhan rakyat Malaysia atau 20 peratus daripada jumlah keseluruhan tenaga kerja Malaysia, manakala statistik Jabatan Imigresen pula menunjukkan pengambilan pekerja asing bertambah 7,000 orang setiap bulan. Sekitar sejuta atau hampir 50 peratus daripada jumlah pekerja asing ini adalah pekerja asing tanpa izin (PATI). Dan majoriti PATI ini adalah dari Indonesia. Sebagai contoh, pada bulan Disember 2008, Jabatan Keselamatan, Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) menangkap 177 pendatang asing tanpa izin. Daripada jumlah itu warga Indonesia adalah seramai 85 orang, Bangladesh, 58, dan Myanmar, 15 manakala selebihnya dari Nigeria, China dan Nepal (Pengurus Kanan Operasi Wilayah Tengah KTMB, Mohd Hider Yusoff, Utusan Malaysia 28 Dis. 2008).

Selain dari pengaliran keluar mata wang asing yang dianggarkan sekitar RM15.5 bilion atau 90 peratus daripada jumlah besar RM17.2 bilion pada tahun 2009 (Berita Harian 28 Jan. 2009), dan kos pengusiran PATI sebanyak RM30 seorang sehari dan semakin meningkat (Utusan Malaysia 3 April 2009), terdapat dua sebab utama mengapa fakta ini cukup merungsiakan bagi rakyat Malaysia. Pertama, meningkatnya kadar jenayah yang mengancam kesejahteraan hidup rakyat Malaysia dan meningkatnya pengangguran di kalangan rakyat Malaysia sendiri.

#### *Isu meningkatnya kadar jenayah oleh TKI*

Mengikut statistik Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, jumlah jenayah melibatkan pendatang asing sehingga Ogos 2007 ialah sebanyak 3,704 kes iaitu 1,261 kes jenayah kekerasan dan 2,443 kes jenayah harta benda. Sepanjang 2006, sebanyak 6,018 kes jenayah kekerasan dan harta benda melibatkan warga asing dicatatkan. Ini termasuk 1,004 kes samun, 106 mendatangkan kecederaan, 61 kes ugutan jenayah, 59 kes bunuh, 39 kes cabul kehormatan, 37 rogol, 33 kes peras ugut dan 29 kes merusuh. Oleh kerana majoriti PATI adalah dari Indonesia maka tanggapan umum di Malaysia ialah PATI dari Indonesialah yang paling ramai melakukan jenayah ini.

Gerhana minda objektif dalam hal meningkatnya gejala jenayah akibat kehadiran pekerja asing yang majoritinya terdiri daripada tenaga kerja asing Indonesia (TKI) bukanlah dari segi kefaktualannya tetapi, pada hemat saya, adalah dari segi cara-cara yang ditanggapi oleh Malaysia tentang bagaimana masalah ini seharusnya ditangani.

Umumnya cara-cara yang disarankan ialah seperti:

- (1) Kementerian Keselamatan Dalam Negeri mendaftarkan semua pekerja asing yang menyewa rumah di taman-taman perumahan, apartmen, kondominium, rumah kedai dan premis perniagaan mengikut alamat tempat tinggal bagi memudahkan pengawasan ke atas golongan itu dan membanteras kegiatan jenayah yang melibatkan mereka (Utusan Malaysia 5 Feb. 2008);
- (2) ekoran dari (1) Kementerian Keselamatan Dalam Negeri mendirikan lebih banyak balai polis dengan menyewa lebih banyak rumah kedai untuk dijadikan pondok dan balai polis supaya dapat membantu memantau keselamatan di kawasan-kawasan perumahan. Dengan sistem pemantauan yang terancang dan terselaras, pihak berkuasa, terutama polis dapat mengetahui lokasi mana ramai pekerja asing, terutama di kawasan perumahan (Utusan Malaysia 5 Feb. 2008);
- (3) Kementerian Keselamatan Dalam Negeri menjalankan operasi serbuan dan tangkapan terhadap PATI di seluruh negara, seperti operasi dalam gerabak komuter dari Klang hingga Rawang yang dilakukan oleh Jabatan Keselamatan, Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dengan kerjasama Jabatan Imigresen, Ikatan Relawan Rakyat (Rela), Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPAM) serta Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) pada pertengahan Disember 2008 iaitu yang kedua dijalankan sejak Mac 2008. Ini adalah ekoran aduan penumpang yang merungut mengenai kejadian jenayah seperti seluk saku yang selalu membabitkan pendatang asing (Utusan Malaysia 25 Dis. 2008); dan
- (4) Kementerian Keselamatan Dalam Negeri segera menghantar pulang TKI yang telah tamat

atau diberhentikan kerjanya di Malaysia untuk memastikan pekerja asing yang terlibat dalam pemberhentian kerja ekoran krisis ekonomi terus dihantar pulang ke negara asal. Langkah ini dikatakan penting bagi mengelakkan timbul pelbagai masalah yang boleh menyumbang kepada kejadian jenayah dan keresahan penduduk tempatan (Utusan Malaysia 30 Dis. 2008).

Persoalannya ialah apakah tindakan pendaftaran, pemantauan dan penangkapan TKI sudah memadai bagi membendung potensi TKI terlibat dalam kegiatan jenayah di Malaysia?. Sebenarnya apa yang diperlukan ialah pendekatan yang lebih menuntut perhalusan dari segi kefahaman semua pihak mengenai bagaimana TKI boleh terjebak dalam kegiatan jenayah di Malaysia. Antara soalan yang perlu ditanyakan dan dicari jawapannya ialah apakah terdapat juga setengah keadaan di mana TKI terpaksa atau terheret melakukan jenayah atas berbagai sebab manusiawi seperti buruh kontrak yang tidak dibayar upahnya oleh penggajinya sehingga keputusan saraan hidup sama sekali. Bagaimana keadaan seperti ini boleh berlaku sedangkan Malaysia mempunyai undang-undang buruh yang membolehkan penggaji sedemikian dikenakan tindakan.

#### *Isu meningkatnya kadar pengangguran tenaga kerja Malaysia akibat kebanjiran TKI dan PATI*

Meskipun Malaysia mendapat publisiti media Indonesia yang buruk mengenai layanannya terhadap TKI namun kedatangan TKI ini tidak pernah surut. Statistik Jabatan Imigresen menunjukkan pengambilan pekerja asing bertambah 7,000 orang setiap bulan. Kebanjiran PATI, terutamanya PATI dari Indonesia dikatakan telah membawa kepada banyaknya peluang kerja tempatan diambil oleh mereka.

Sekali lagi, gerhana minda objektif dalam hal meningkatnya kadar pengangguran tenaga kerja tempatan Malaysia akibat kehadiran pekerja asing yang majoritinya terdiri daripada tenaga kerja asing Indonesia (TKI) bukanlah dari segi kefaktualannya tetapi dari segi cara-cara yang ditanggapi oleh Malaysia tentang bagaimana masalah ini seharusnya ditangani.

Umumnya cara-cara yang disarankan ialah seperti:

- (1) Jabatan Imigresen melancarkan gerakan besar-besaran menahan pendatang tanpa izin yang menjalankan perniagaan secara haram di semua pusat tumpuan perniagaan, termasuk kompleks beli belah, pasar raya, pasar malam dan medan selera seperti yang dilakukan pada bulan Mac dan Disember 2008;
- (2) Kementerian Sumber Manusia Malaysia menyelar majikan tempatan yang masih memilih dan mengutamakan TKI daripada memberi peluang kepada anak tempatan. Selaran ini adalah ekoran daripada hakikat bahawa walaupun kementerian sudah mengeluarkan amaran berhubung perkara itu pada 21 Disember 2007, Sebanyak 30 peratus daripada 300,000 majikan di negara ini masih membuat permohonan kepada kementerian untuk mendapatkan pekerja asing. Berdasarkan permohonan tersebut, mereka bukan sahaja memberi keutamaan pada pekerja asing malah menyediakan pelbagai kemudahan termasuk gaji, faedah dan tempat tinggal yang jauh lebih baik berbanding pekerja tempatan (Utusan Malaysia 8 Feb. 2008);
- (3) Kementerian Sumber Manusia menimbang langkah membekukan pengambilan pekerja asing sebagai langkah membantu rakyat tempatan yang masih menganggur mendapat pekerjaan. Telah dilaporkan bahawa terdapat kira-kira 2,000 hingga 3,000 penganggur berdaftar setiap bulan dengan kementerian itu. Bilangan ini dijangka meningkat berikutan keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu yang dijangka memberi kesan kepada Malaysia pada tahun 2009. Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) yang mewakili 550,000 pekerja sektor swasta dan Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) yang menjadi payung bagi 1.2 juta kakitangan awam, mengalu-alukan langkah pembekuan itu dan menyifatkannya sebagai langkah logik bagi melindungi pekerja tempatan (Utusan Malaysia 22 Dis. 2008); dan



- (4) Kementerian Sumber Manusia menetapkan siling jumlah pekerja asing . Mulai tahun 2009, siling jumlah pekerja asing di negara ini, termasuk di koridor pembangunan wilayah akan ditetapkan mengikut sektor, bagi membantu rakyat tempatan mendapat pekerjaan dan mengelak berlaku lambakan pekerja asing yang kini mencecah 2.1 juta orang. Jawatankuasa Teknikal Antara Agensi (JTAT) yang ditubuhkan khas untuk mencapai sasaran bagi mengurangkan jumlah pekerja asing sehingga 1.8 juta menjelang 2015, akan memuktamadkan jumlah siling pekerja yang benar-benar diperlukan dalam melaksanakan pembangunan negara. Penetapan siling ini penting berikutan kebimbangan kehadiran jumlah pekerja asing yang terlalu ramai tanpa kawalan sehingga rakyat tempatan dinafikan hak pekerjaan (Utusan Malaysia 25 Dis. 2008).

Persoalannya ialah apakah menahan pendatang tanpa izin yang menjalankan perniagaan secara haram, menyelar majikan tempatan yang masih memilih dan mengutamakan tenaga kerja asing, membekukan pengambilan pekerja asing, dan menetapkan siling jumlah pekerja asing dapat menjamin bahawa tempat mereka akan dapat diisi oleh tenaga kerja tempatan? Mampukah pekerja tempatan menawarkan khidmat pada kos dan kualiti yang dapat mempertahankan daya saing firma yang menggaji mereka seperti yang dapat dilakukan oleh pekerja asing? Mampukah pekerja tempatan menjamin bahawa ketiadaan pekerja asing tidak akan menjejaskan pembangunan negara?

#### *Mengatasi gerhana minda objektif*

Perbincangan di atas menunjukkan betapa pemikiran kurang objektif mewarnai isu kesejahteraan hubungan Malaysia-Indonesia sekurang-kurangnya dalam kes pembantu rumah Indonesia di Malaysia dan kes TKI. Bagi membanteras gejala pemikiran kurang objektif ini beberapa langkah perlu dilaksanakan:

Pertama, usaha menyeimbangkan pemberitaan mengenai realiti kehidupan PRI di Malaysia perlulah ditingkatkan bukan saja oleh media di Indonesia tetapi juga oleh media di Malaysia. Pensensasian peristiwa-peristiwa negatif mengenai penganiayaan PRI di Malaysia mestilah diseimbangkan dengan 'pensensasian' peristiwa-peristiwa positif mengenai kehidupan mereka di Malaysia.

Kedua, untuk melicinkan usaha pertama, masyarakat akademik di kedua-dua negara mestilah menggiatkan penyelidikan bersama, terutamanya penyelidikan berfokus dan penyelidikan untuk tindakan (action research) bagi membantu masyarakat dan pihak berkuasa di kedua-dua negara menanggapi fenomenologi PRI dengan lebih objektif, waras dan wajar. Sebagai contoh, pelajar Sarjana atau Ph.D yang ingin membuat kajian tentang pengalaman PRI di Malaysia mestilah dibimbing-selia supaya menggunakan metodologi yang meraikan keseimbangan, keadilan dan keobjektifan; misalnya dengan mengambil kira perspektif majikan Malaysia dan pada saiz persampelan mereka yang sama besarnya dengan saiz persampelan PRI.

Ketiga, kerajaan atau pihak berkuasa di kedua-dua negara mestilah mempunyai kesanggupan untuk mewujudkan dan melaksanakan pendekatan yang benar-benar menginsafi masalah dan kerentanan kedua-dua pihak TKI dan majikan mereka. Sebagaimana yang diketahui implikasi kewangan dari peraturan birokrasi yang sedia ada dan berjalan sekarang ini begitu membebankan TKI, dan jika dilihat dari jumlah bayaran levi yang dikenakan kepada majikan, juga membebankan majikan. Semua ini menjadi pelemah semangat untuk menghormati segala macam peraturan birokrasi. Sebab itulah tidak mengherankan jika gejala PATI masih tidak berkesudahan di Malaysia. Baru-baru ini (31 Ogos 2009) Eminent People Group (EPG) menyatakan langkah untuk mewujudkan apa yang dinamakan atache sosial di KBRI demi menangani masalah TKI dan PATI Indonesia di Malaysia (<http://rri.go.id/>). Ini merupakan satu langkah yang baik jika ia tidak melibatkan misalnya satu lagi peraturan dimana setiap PRI misalnya bukan saja dikehendaki mengikuti kursus baru mengenai orientasi psikologi supaya lebih cepat menyesuaikan minda dengan tuntutan kerja rumahtangga di Malaysia, tetapi juga membayar kos mengikuti kursus tersebut.

Keempat, masyarakat, kerajaan atau pihak berkuasa, dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) di kedua-dua negara mestilah mempunyai kesanggupan untuk mewujudkan dan melaksanakan pendekatan yang cukup realistik dalam menangani masalah TKI dan PATI. Langkah Malaysia menyekat, menyelar, menghantar pulang, meletakkan siling dan membeku pengambilan TKI tentunya akan menjadi komedi tragis bila kekosongan yang ditinggalkan oleh TKI itu tidak dapat diisi dengan anak tempatan sendiri. Sanggupkah belia Malaysia menggantikan TKI di ladang-ladang kelapa sawit Malaysia? Berapa ramaikah majikan Malaysia yang mampu membayar RM1,200 sebulan untuk khidmat pembantu rumah tempatan? Sanggupkah negara Malaysia membenarkan ekonominya menguncup kerana produktiviti di sektor pertanian yang menurun dan merosotnya penyertaan tenaga kerja wanita tempatan di pelbagai sektor ekonomi dan sosial negara? Begitu juga, mampukah Indonesia memberi pekerjaan kepada setiap isi rumahnya yang memerlukan sumber pendapatan dengan mengenakan syarat-syarat yang tidak dapat dipenuhi oleh majikan Malaysia seperti gaji minimum PRI yang tidak mampu dibayar oleh kebanyakan majikan Malaysia?

## Kesimpulan

Gerhananya minda objektif dalam penanggapan dan wacana mengenai pembangunan untuk kesejahteraan dan perdamaian dalam konteks hubungan Indonesia-Malaysia adalah kepincangan yang perlu dibasmi sebelum ianya melumpuhkan hubungan organik dua masyarakat serumpun ini. Tugasan perdana komuniti intelek di kedua negara adalah menyinarkannya kembali--kerana komuniti ini seharusnya dapat diharapkan melangkaui segala agenda bisnes, politik, birokrasi dan ideologi yang selama ini mendalangi penggerhanaan pemikiran objektif itu.

## Rujukan

- Amriah Buang (1997) Elusive Rescuers - The Experience of Malaysian employers with migrant house maids. In: Fairhurst J *et al.* (eds) *Migration and gender*, pp. 27-35. International Geographical Union Commission on Gender and Geography. University of Pretoria.
- Amriah Buang (2007) My (transnational) home, my family - A glimpse into the lived experience of some Indonesian housemaids in Malaysia. Paper presented to the Symposium of the IGU Commission on Geography and Gender, National Taiwan University, Teipeh.
- Amriah Buang (2004) Powerlessness and migrant domestic workers in Malaysia - A critical review. Paper presented to the Symposium of the IGU Commission on Geography and Gender, Univ. of Durham, United Kingdom.
- Bernama (2007) Benarkah Malaysia Sombong Di Mata Indonesia? 21 Ogos.  
<http://informasi.phpbb3now.com/viewtopic.php>  
[http://rri.go.id/index.php?option=com\\_content&view=article&id=3219:perlu-dibentuk-atase-sosial-untuk-lindungi-tni-&catid=17:sosial&Itemid=207](http://rri.go.id/index.php?option=com_content&view=article&id=3219:perlu-dibentuk-atase-sosial-untuk-lindungi-tni-&catid=17:sosial&Itemid=207)
- Muhd Kamil Ibrahim (2008) Universiti Teknologi MARA. Available from:  
<http://muhdkamil.net/mystory/?p=6>
- Utusan Malaysia (2008) 8 Feb, 25 Dis, 28 Dis.
- Utusan Malaysia (2009) 3 April.